



PEJABAT MENTERI BESAR JOHOR

IKLAN JAWATAN KOSONG

PENOLONG PEGAWAI PENYEDIAAN MAKANAN

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Pejabat Menteri Besar Johor bagi jawatan seperti berikut:-

1. SKIM PERKHIDMATAN : PENOLONG PEGAWAI PENYEDIAAN MAKANAN

Klasifikasi Perkhidmatan : **SAINS**

Kumpulan Perkhidmatan: **PELAKSANA**

Gred : **C29**

Taraf Jawatan : **KONTRAK**

Jadual Gaji :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM 1,505.00	RM 5,696.00	RM 145.00

Kekosongan : **1 KEKOSONGAN**

SYARAT LANTIKAN:-

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil dalam bidang pengurusan perkhidmatan makanan, pengurusan hotel dan catering, seni kulinari atau bidang berkaitan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji permulaan pada Gred C29 : RM 1,505.00]; atau

- (ii) Diploma dalam bidang pengurusan perkhidmatan makanan, pengurusan hotel dan catering, seni kulinari atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji permulaan pada Gred C29 : RM1,782.91]

2. CARA MEMBUAT PERMOHONAN:-

- (a) Permohonan hendaklah dengan menggunakan **Borang MBJ.01** yang boleh diperolehi daripada pejabat ini dengan cara datang sendiri pada waktu pejabat atau dimuat turun daripada laman web rasmi Kerajaan Negeri Johor di <http://jauhar.my/peluang-kerjaya-2017/>
- (b) Borang-Borang yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran pasport dan dokumen-dokumen seperti berikut :-
 - (i) Sijil Kelahiran
 - (ii) Kad Pengenalan
 - (iii) Sijil berhenti sekolah
 - (iv) Lain-lain sijil/Diploma/Ijazah/surat akuan berkaitan.

Semua salinan dokumen tersebut hendaklah diakui salinan sah oleh Pegawai Kerajaan atau Badan Berkanun kumpulan A dan B /Penghulu, Pegawai dalam Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman seperti Majistret/Peguam. Setiap pengesahan hendaklah dicop Nama, Jawatan dan Jabatan oleh pihak yang mengesahkan.

- (c) Permohonan daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut peruntukan Perintah Am Bab A21 dengan menyertakan kenyataan perkhidmatan yang kemas kini berserta Laporan Nilai Prestasi Tahunan.
- (d) Borang permohonan yang lengkap dipenuhi hendaklah dihantar ke alamat :-

**PEJABAT MENTERI BESAR JOHOR,
ARAS 4, BANGUNAN DATO JAAFAR MUHAMMAD
KOTA ISKANDAR,
79502 ISKANDAR PUTERI,
JOHOR BAHRU.**

3. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Sebelum atau pada **4 MEI 2017**

4. CATATAN AM:

- i. Sila nyatakan Jawatan yang dipohon di **sebelah kiri atas sampul surat** pemohon.
- ii. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga
- iii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**
- iv. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.